



ياباستان اسلام نڬري کدح YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

Bangunan Yayasan Islam Negeri Kedah
No. 56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.
Telefon : +604-730 2703 / Faks : +604-730 3713 www.yiked.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohon-pemohon adalah diperlawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

A. JAWATAN, GRED, DAN NO.FAIL:

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED	NO. FAIL
1.	Pegawai Hal Ehwal Pelajar Kedah Timur Tengah	41	YINK-KORP/ 100-949

B. KLASIFIKASI DAN KUMPULAN PERKHIDMATAN:

JAWATAN BIL.	KLASIFIKASI	KUMPULAN PERKHIDMATAN
1	Pentadbiran Sokongan	Pengurusan & Profesional

C. JADUAL GAJI:

GRED	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
41	RM 2,080.00	RM 9,546.00	RM225.00

D. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti yang berikut:

1. **JAWATAN: PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR KEDAH TIMUR TENGAH**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:-
 - i. ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (*Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00*); atau
 - ii. ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (*Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43*).

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

E. DESKRIPSI TUGAS

- a. Merancang, melaksana, menilai program-program akademik, sosial dan program-program yang berkaitan dengan Hal Ehwal Kebajikan anak-anak Kedah di Timur Tengah khususnya Mesir & Jordan.
- b. Memantau semua aktiviti-aktiviti anak-anak Kedah di Timur Tengah dan mengambil tindakan yang sesuai bagi kebajikan mereka.
- c. Memantau prestasi akademik anak-anak Kedah di Timur Tengah dan mengambil tindakan yang sesuai bagi kecemerlangan pengajian dan pembelajaran pelajar-pelajar.
- d. Mengadakan hubungan dengan pihak Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK), Kedutaan Besar Malaysia Jordan (KBMJ), Education Malaysia Egypt (EME), Education Malaysia Jordan (EMJ) serta universiti-universiti di Timur Tengah bagi kebajikan pengajian dan pembelajaran anak-anak Kedah.
- e. Menguruskan hal-hal yang berhubung kait dengan wang pinjaman atau bantuan kewangan yang lain bagi melicinkan dan memudahkan kebajikan pelajar.
- f. Menguruskan aspek pendapatan dan perbelanjaan kewangan Asrama Darul Aman Kaherah dan melaporkan kepada pihak Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) dari masa ke semasa.
- g. Menguruskan surat menyurat yang berhubungkait dengan hal ehwal kebajikan anak-anak Kedah di Timur Tengah terutamanya pelajar-pelajar tajaan Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).
- h. Menyelenggara bangunan Asrama Darul Aman Kaherah supaya ia berada dalam keadaan yang baik sepanjang masa.
- i. Menerima dan melaksana lain-lain arahan daripada Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (Yayasan Islam Negeri Kedah) dari masa ke semasa.

F. UMUR

1. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup permohonan jawatan.
2. Pegawai yang sedang berkhidmat yang layak di bawah peruntukan KPSL hendaklah berumur kurang dari 45 tahun pada tarikh lantikan.
3. Bekas anggota tentera yang telah menamatkan perkhidmatannya dengan baik hendaklah berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup permohonan jawatan.
4. Bagi Pesara Kerajaan yang memiliki kelayakan seperti diatas adalah layak memohon.

G. TARAF JAWATAN: Peminjaman /kontrak (2 Tahun).

H. PENEMPANTAN:

**MBASSY OF MALAYSIA
KEDAH STUDENTS DEPARTMENT
No. 7 El Wady Street,
7 District, Nasr City, Cairo Arab Republic of Egypt**

I. CARA MEMOHON

- a) Permohonan hendaklah menghantar *resume* berserta perkara atau dokumen – dokumen seperti berikut :
 - i) Borang maklumat diri
 - ii) Gambar berukuran passport
 - iii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iv) Salinan Kad Pengenalan
 - v) Salinan Sijil Peperiksaan
 - vi) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - vii) Lain-lain sijil yang berkaitan, jika ada
- b) Setiap Salinan dokumen hendaklah diakui sah.
- c) Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan alamat kepada;

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Yayasan Islam Negeri Kedah
No. 56a Jalan Telok Wanjah
05200 Alor Setar

KEDAH DARUL AMAN

(u.p : Pengarah Korporat)

Tarikh tutup permohonan jawatan : **26 April 2023 (Rabu) Jam 12.00 Tengah hari**

H. CATATAN AM

- a) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang boleh bertutur dengan fasih Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris;
- b) Borang maklumat diri boleh didapati di laman sesawang www.yink.gov.my
- c) Jabatan ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan kerana menghadiri temuduga;
- d) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
- e) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ini hedaklah menganggap yang permohonan tidak berjaya.